

Dr. Mahathir mantapkan Yayasan Kepimpinan Perdana

Oleh NORAINI ABDUL RAZAK
(WARTAWAN UTUSAN)

"INI yayasan untuk semua Perdana Menteri bertujuan buat satu rekod tentang semua sumbangan Perdana Menteri lalu, buat kajian dan lain-lain," kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika diminta mengulas mengenai penubuhan Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya, baru-baru ini.

Terletak di pinggir Tasik Putrajaya, di Presint 7, Yayasan yang ditubuhkan atas inisiatif pihak swasta itu mempunyai keunikannya tersendiri. Petunjuk jalan asal ke tempat berkenaan menamakan bangunan tersebut sebagai Perpustakaan Putrajaya.


Sebaik sampai di pekarangan bangunan seluas 5,110 meter persegi itu, perkataan Yayasan Kepimpinan Perdana jelas tertera di bahagian hadapan pondok pengawal di bangunan berkenaan. Tanpa kehadiran lain-lain bangunan di sekeliling kompleks tersebut, Yayasan Kepimpinan Perdana kelihatan begitu eksklusif dan suasana aman bersesuaian dengan fungsi kompleks tersebut sebagai tempat membuat rujukan serta penyelidikan.

Idea menubuhkan yayasan yang julung-julung kali diadakan di negara ini dicituskan oleh 26 individu yang mewakili badan korporat dan sektor swasta.

Seawal 12 bulan lalu, konsep Yayasan Kepimpinan Perdana telah dilakar oleh kumpulan berkenaan sehingga menjadi satu realiti dan dirasmikan oleh Dr. Mahathir, kelmarin.

Sememangnya usaha tokoh-tokoh korporat menterjemahkan impian kepada satu realiti dikagumi oleh Dr. Mahathir sendiri sementelah yayasan yang dipengerusikan oleh Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin itu adalah untuk semua tokoh yang telah banyak memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

Di antara ahli Lembaga Pemegang Amanah serta pencetus penubuhan Yayasan berkenaan ialah Pengarah Urusan YTL, Tan Sri Francis Yeoh dan Pengerusi Kum-



KOMPLEKS Yayasan Kepimpinan Perdana yang terletak di Presint 8, Putrajaya

pulan IOI, Tan Sri Lee Shin Chen. Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz merupakan salah seorang anggota Majlis Eksekutif yayasan yang ditubuhkan antaranya bagi memulihara pemikiran serta hasil kerja Dr. Mahathir supaya dapat dimanfaatkan oleh semua pihak.

Bersesuaian dengan nama serta fungsi kompleks tersebut, Yayasan Kepimpinan Perdana akan menjadi institut pemikiran dan sumber rujukan utama mengenai tokoh-tokoh serta para pemimpin negara.

Jika sebelum ini telah diwujudkan pusat rujukan yang berkisar kepada riwayat hidup serta sumbangan pemimpin tertentu sahaja seperti Memorial Tunku Abdul Rahman, Memorial Tun Abdul Razak, yayasan yang memuatkan pelbagai kemudahan ini menawarkan konsep berbeza.

Semua maklumat mengenai bekas Perdana Menteri serta tokoh-tokoh yang mem-

beri sumbangan membangunkan Malaysia sebagai sebuah negara yang kini dikenali di arena antarabangsa akan diletak di bawah satu bumbung. Pastinya pelbagai pihak terutama pelajar institut pengajian tinggi akan mendapat manfaat yang besar daripada penubuhan yayasan ini.

Di peringkat awal, bangunan dua tingkat itu memulakan operasinya dengan menempatkan pejabat Dr. Mahathir di tingkat atas bangunan.

Rujukan

Ia yang ditubuhkan atas inisiatif pihak swasta akan menjadi pusat sehati penyelidikan dan rujukan mengenai negarawan Malaysia terutama bekas-bekas Perdana Menteri.

Sebagai sebuah yayasan yang ditubuhkan atas inisiatif pihak swasta, para ang-

gota Lembaga Amanahnya pasti terdiri daripada Wakil-wakil syarikat swasta yang terlibat dalam menjayakan penubuhan yayasan tersebut.

Difahamkan, selain kegunaan para penyelidik luar, yayasan itu juga akan membuat penyelidikan dan kajiannya sendiri berhubung sesuatu isu berbangkit sama ada dari dalam atau luar negara.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, bangunan yayasan itu yang dihiasi dengan landskap menarik, turut menempatkan pelbagai cenderamata yang diterima oleh Dr. Mahathir.

Tingkat atas bangunan itu menempatkan pejabat bekas Perdana Menteri menghadap ke Tasik Putrajaya di samping bilik mesyuarat serta bilik pentadbir yayasan itu.

Selain pejabat bekas Perdana Menteri, bangunan Yayasan Kepimpinan Perdana

turut menempatkan auditorium yang dilengkapi dengan 170 tempat duduk, bilik persidangan yang mampu memuatkan 160 orang serta kemudahan perpustakaan untuk penyelidikan.

Dr. Mahathir ketika diminta mengulas mengenai pejabat barunya itu menegaskan bahawa Yayasan berkenaan adalah untuk semua Perdana Menteri dan beliau tidak memegang sebarang jawatan dalam yayasan berkenaan.

Bekas Perdana Menteri turut memberitahu bahawa beliau akan hadir ke Yayasan berkenaan untuk membuat penyelidikan terutama ketika menyediakan teks ucapan.

Dr. Mahathir yang terkenal kekuatan mental dan fizikal itu ternyata tidak betah duduk di rumah bagi mengisi hari-hari persaraannya dan melahirkan rasa syukur kerana diberi kemudahan pejabat di bangunan yayasan itu untuk beliau bekerja.

Semestinya harapan Dr. Mahathir supaya yayasan tersebut tidak hanya memfokuskan kepada sumbangan serta perannya sepanjang menjawat jawatan Perdana Menteri sebaliknya yayasan itu perlu mempelbagaikan bidang bahan rujukan serta cabang penyelidikannya.

Seperkara yang menarik mengenai kompleks Yayasan Kepimpinan Perdana ini ialah ia bukan sahaja terbuka kepada penyelidik malah orang ramai berpeluang membaca bahan bacaan yang ditulis oleh Dr. Mahathir apabila perpustakaan di yayasan berkenaan dibuka kelak.

Turut dipaparkan bahan penerbitan serta buku-buku yang digunakan oleh bekas Perdana Menteri itu ketika membuat penyelidikan pelbagai topik terutama mengenai Islam, sains dan teknologi.

Buku-buku berkenaan adalah sebahagian daripada koleksi peribadi Dr. Mahathir dan kini ditempatkan di bawah bumbung perpustakaan berkenaan. Perpustakaan yang terletak di tingkat bawah kompleks yayasan berkenaan menghimpunkan buku-buku serta teks ucapan bekas Perdana Menteri itu.